



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR.  
HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
*DEPUTY VICE CHANCELLOR LEADERSHIP  
ONBOARDING PROGRAMME (DVCLead)***

**22 FEBRUARI 2023 | RABU | 10.30 PAGI**

**DAYANG BAY RESORT  
LANGKAWI, KEDAH**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Nasruddin  
Mohamed**

Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi  
(AKEPT)

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mizan Bin  
Hitam**

Penolong Naib Canselor Institut Kepimpinan dan  
Pembangunan (ILD) Universiti Teknologi MARA

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zuraidah Mohd Sanusi**  
Pengarah Program *Deputy Vice Chancellor Leadership  
Onboarding Programme* (DVCLead)

Barisan Penceramah Program DVCLead,

Timbalan-timbalan dan Penolong-penolong Naib Canselor Universiti Awam dan Swasta,

Serta Para hadirin yang dihormati sekalian.

**[SALUTASI- KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]**

1. Bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan izin dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di sini dalam majlis pada hari ini sempena ***Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding Programme (DVCLead) Kohot 2 Tahun 2023***. Program yang bertemakan **“Aspiration, Trust, Champion and Synergy”** adalah anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kolaborasi bersama UiTM melalui Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM.
  
2. Saya selaku yang dipertanggungjawabkan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi telah diberikan mandat untuk menyampaikan hasrat dan

aspirasi daripada Kementerian bagi ucapan penutup program DVCLead ini.

3. Alhamdulillah, program ini merupakan program kedua yang dianjurkan sebagai latihan pembangunan dan pemerkasaan kepimpinan yang disasarkan kepada Timbalan Naib Canselor (TNC) dan diperluaskan kepada Penolong Naib Canselor. Antara lima (5) portfolio utama jawatan Timbalan Naib Canselor ialah Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, Pelajar dan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat serta Pembangunan.

4. Jawatan ini disandang oleh para akademik yang secara amnya tidak diberikan pendedahan awal tentang tanggungjawab dan ekspektasi tugas tersebut. Maka satu program khusus perlu dibangunkan bagi memberikan pendedahan sewajarnya terutamanya bagi mereka yang baharu dilantik ke jawatan tersebut iaitu pada penggal pertama.

5. Pada tahun 2022, program seperti ini telah dilaksanakan di ILD UiTM, Bandar Enstek, melibatkan

kumpulan Timbalan Naib Canselor universiti awam dan swasta.

6. Walaupun ekosistem setiap universiti dan *nomenclature* adalah berbeza. Namun saya difahamkan program yang dilaksanakan ini merentas semua portfolio Timbalan Naib Canselor. Ini kerana kandungan program ini digarap bagi memperkuuh kompetensi kepimpinan generik dan juga fungsional. Ketelitian membangunkan modul ini memberikan ruang agar ia dapat dimanfaatkan secara bersama tanpa mengira portfolio yang khusus tersebut.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

7. Landskap pendidikan tinggi global melalui satu fasa yang begitu mencabar dalam tempoh pandemik melanda. Ia diluar jangkaan dan situasi tersebut telah membawa Universiti melalui perubahan yang begitu dinamik. Ketika kita membicarakan Revolusi Industri 4.0 dan VUCA dalam pendidikan tinggi serta ledakan teknologi yang begitu pantas, ternyata kesiapsagaan Universiti adalah sangat penting.

8. Dalam memacu dan memandu situasi semasa, kepimpinan Universiti perlu mempunyai *agility* yang tinggi. *Agility* dalam pengurusan, *agility* dalam pelaksanaan, *agility* dalam membuat keputusan serta *agility* dalam pemantauan dan penilaian perlu ada pada setiap pemimpin. Perkataan *agile* atau *agility* yang saya gunakan ini, jika diterjemahkan membawa maksud “pantas”, namun penggunaan “*agile*” itu memberikan makna yang lebih mendalam terutamanya dalam kepimpinan.
  
9. Untuk menghadapi suasana yang berbeza ini, kepimpinan universiti perlu berubah dari *Business as Usual* kepada *Business Unusual* tanpa kompromi kepada kualiti dan nilai pendidikan tinggi. Perubahan dinamik ini merupakan suatu kitaran yang bukannya asing dalam dunia pendidikan tinggi. Proses ini sentiasa berlaku seiring dengan perubahan yang memberikan impak secara langsung kepada ekosistem pendidikan

tinggi seperti perubahan teknologi, permintaan industri mahupun perubahan sosial.

10. Kementerian Pendidikan Tinggi meletakkan perhatian yang tinggi kepada pemerksaan kepimpinan terutamanya mereka yang berada di barisan utama Universiti. Tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan sangat besar dan implikasinya juga luas iaitu kepada warga universiti secara amnya dan pembentukan serta penghasilan tenaga kerja atau modal insan negara pada masa akan datang khususnya.

11. Kualiti pendidikan tinggi dan kecemerlangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ialah tonggak dalam melahirkan dan membentuk generasi yang berilmu, mempunyai nilai yang tinggi serta keupayaan atau kompetensi yang dapat memacu negara dalam semua bidang. Oleh itu, kepimpinan yang dipertanggungjawab di semua peringkat di universiti memainkan peranan yang begitu kritikal dan signifikan.

12. Pada setiap tahun, berdasarkan pembentangan laporan Ketua Audit Negara, perlu saya akui Universiti tidak lari daripada melakukan kesilapan sama ada kerana *ignorance* mahupun *wrongly advised*. Apapun sebab berlakunya kesilapan tersebut, pentadbir akademik sama ada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor perlu dipertanggungjawabkan dan perlu menanggungnya sebaik mungkin. Kompetensi dalam bidang governan, kewangan, pengurusan, atau undang-undang perlulah diberikan kepada mereka yang dilantik dalam jawatan bertempoh ini.

**Para hadirin sekalian,**

13. Program sinergi ini yang mengabungkan kekuatan serta kepakaran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi serta mantan-mantan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor daripada beberapa universiti ini merupakan satu inisiatif yang sangat baik.

14. Saya ucapkan tahniah kepada ILD UiTM yang mengetuai pelaksanaan program ini, dengan bimbingan YBhg. Profesor Datuk Dr. Mizan yang telah membawa

bersama beliau satu kumpulan yang mantap untuk menghasilkan program ini.

15. Kementerian meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada mereka yang dilantik ke jawatan ini. Mereka telah dikenal pasti bakat kepimpinannya untuk menerajui universiti dan memegang amanah portfolio yang begitu khusus sekali bagi menjayakan agenda universiti.

16. Tidak dapat dinafikan Timbalan-timbalan Naib Canselor ialah mereka dalam kalangan Profesor yang begitu tinggi pencapaiannya dalam kepimpinan akademik. Namun, mereka ini secara khususnya hanya terdedah kepada kepimpinan institusi apabila jawatan bertempoh ini disandang.

17. Sewajarnya program seumpama ini digerakkan oleh AKEPT bagi memastikan mereka diberikan tanggungjawab ini diberikan program pembangunan yang berstruktur dan khusus kepada jawatan tersebut agar mereka dapat berfungsi dengan cemerlangnya di universiti masing-masing.

## **Hadirin sekalian,**

18. Saya melihat program ini sebagai satu landasan pertemuan, bukan hanya sekadar mendapat ilmu, bahkan ia perlu dipergiat dalam konteks perkongsian amalan terbaik. Peluang ini adalah untuk membudayakan *continuous quality improvement*, di samping berbincang serta bertukar fikiran dan pendapat secara profesional melalui kajian kes dan juga pengalaman sebenar yang telah dilalui oleh mereka yang pernah menjawat jawatan tersebut.

19. Sinergi AKEPT selaku agensi di bawah KPT bersama IPT begitu penting yang mana AKEPT dilihat sebagai agensi yang dapat melahirkan pemimpin-pemimpin universiti yang berkompeten dan berwibawa dalam melaksanakan tugas mereka.

20. Melalui program-program seumpama ini yang membawa tema *Leadership Onboarding*, kandungannya perlu mempunyai perincian yang bermakna dan nilai yang tinggi agar ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat diaplikasikan dan dijadikan rujukan dalam

membuat keputusan sepanjang memegang jawatan bertempoh ini.

21. KPT melihat ini sebagai satu inisiatif yang dapat memberikan manfaat yang mana gabungan kepakaran melibatkan pengurusan tertinggi KPT, mantan-mantan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor bagi mengupas topik-topik yang signifikan. Penglibatan kepakaran dari pelbagai pihak ini merupakan komitmen padu yang pada hujungnya memberi satu pengalaman yang holistik bagi para peserta.
22. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat atas kerjasama strategik ini. Semoga para Timbalan dan Penolong Naib Canselor dapat membawa balik bekalan yang bermanfaat dan menterjemahkannya untuk kecemerlangan universiti masing-masing.
23. Sama-sama kita doakan program ini dilimpahkan rahmat dan keberkatan Allah SWT. Dengan lafaz '*Bismillahirrahmanirrahim*', saya dengan ini **merasmikan Majlis Penutupan Deputy Vice**

***Chancellor Leadership Onboarding Programme***  
**Tahun 2023.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**